



Australian Government

**Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications**

Perkhidmatan kewangan

Dilaksanakan oleh Jabatan Kewangan Australia Barat

Perkhidmatan kewangan di Wilayah Lautan Hindi

Jabatan Kewangan Australia Barat menyokong bagi pihak Kerajaan Australia, dengan biaya sepenuhnya:

- × pentadbiran undang-undang hasil dalam negeri, skim geran dan subsidi
- × pengurusan portfolio hartanah komersial dan komuniti di Wilayah ini. Perkhidmatan ini terdiri daripada pelaksanaan pelbagai program pengurusan dan penyenggaraan hartanah bagi bangunan sedia ada dan bangunan pejabat.

Tugas ini dilaksanakan melalui Hasil Dalam Negeri (State Revenue), serta Pengurusan dan Kerja Bangunan (Building Management and Works).

Apakah ertinya bagi saya?

Cukai akan ditaksir dan dipungut di Wilayah Lautan Hindi sejajar dengan undang-undang Australia Barat yang terpakai. Anda mungkin menanggung liabiliti cukai di Wilayah Lautan Hindi sama seperti di Australia Barat. Cukai-cukai ini ditadbirkan oleh Pesuruhjaya Hasil Dalam Negeri menurut aturan antara Kerajaan Australia dengan Kerajaan Australia Barat. Cukai peringkat negeri di Wilayah termasuk cukai gaji, cukai tanah, cukai judi, duti pindahan hak milik, dan beberapa polisi insurans.

Hasil Dalam Negeri juga memungut dan mentadbir undang-undang yang berkaitan dengan perundangan tembakau.

Pengurusan dan Kerja Bangunan (BMW) menugaskan Pengurus Hartanah bagi membekalkan khidmat pengurusan aset dan hartanah kepada sejumlah bangunan komersial dan komuniti di Wilayah ini.

Untuk penerangan lanjut

Contact details	
State Revenue - Telefon	08 9262 1400
E-mel	osr@finance.wa.gov.au
BMW - Telefon	08 6551 1600
E-mel	bmwcomplaintsandfeedback@finance.wa.gov.au
Laman sesawang	www.finance.wa.gov.au